

---

Title	Penggunaan bahasa baku di kalangan masyarakat
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1992 Muhammad Ariff bin Ahmad

FORUM SEBUTAN BAKU MOE/JBMS

di Pusat Islam Singapura

Selasa 8 Sept 1992; 1045

Seminar ini bernama **Seminar Sebutan Baku Bahasa Melayu**, namun, tajuk forum yang diminta kami bicarakan pada pagi ini ialah **Penggunaan Bahasa Baku di Kalangan Masyarakat**.

Pertama-tama yang hendak saya bicarakan ialah bahawa 'bahasa baku' dan 'sebutan baku' itu adalah dua hal yang masing-masing mempunyai masalah dan huraiannya sendiri-sendiri, walaupun antara yang satu dengan yang lainnya itu ada hubungkaitnya yang rapat.

Bahasa merupakan keseluruhan bagi semua aspek yang dikenal sebagai aspek bahasa. Aspek-aspek bahasa itu ialah perkamusan termasuk kosa kata dan istilah, tata bahasa, ejaan dan sebutan yakni bunyi bahasa; manakala sebutan ialah merupakan salah satu daripada aspek bahasa. Jadi, 'bahasa baku' itu merujuk kepada kebakuan semua aspek, manakala 'sebutan baku' merujuk kepada kebakuan sebutan sahaja.

Boleh dikatakan semua kita sudah maklum bahawa kekata **baku** itu bermakna *yang betul, yang asli, yang murni, yang utama dan yang sekata* atau *standard*. Maka **bahasa baku** dan **sebutan baku** yang termasuk dalam perbicaraan ini ialah 'bahasa yang standard' dan 'sebutan yang standard', yakni bahasa dan sebutan yang sekata yang digunakan oleh semua golongan pengguna dalam bentuk dan penggunaan yang sama.

Adapun bahasa [atau jika kita suka boleh juga kita sebutkan sebagai sub-bahasa] yang selama ini digunakan oleh sesuatu golongan pengguna itu disebut '**dialek**'. Sepanjang yang saya ingat, dalam masa kita mengaju dan memajukan penggunaan bahasa baku tidak pernah kita terniat hendak merencatkan dialek.

Tidak pernah ada sesiapa pun antara penggalak penggunaan bahasa baku itu yang melarang seseorang daripada bertutur dengan dialek kerana mereka sedar bahawa fungsi dialek mewarnai dan memperkaya kebudayaan kebangsaan itu adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan.

Kebanyakan seni budaya kita adalah hasil karya seniman daerah yang bertutur dalam dialek daerahnya. Lagu-lagu keroncong, langgam, seriusa dan lagu-lagu moden yang lain dapat dinyanyikan dan sedap didengar dengan

sebutan baku; tetapi lain halnya dengan lagu-lagu atau seni Melayu asli, seperti dondang sayang dari Melaka, gazal dari Johor, boria dari Pulau Pinang, dikir barat dari Kelantan, canggung dari Perlis dan yang sebagainya.

Memang seni asli yang demikian itu masih dapat disampaikan dengan sebutan baku [jika kita mahu]; responden masih dapat juga menanggapi mesej yang disampaikan seni itu, namun mereka tidak dapat menikmati persembahan itu sebagaimana semestinya kerana jiwa persembahan yang terkandung dalam dialek itu tidak dapat dirasai.

Warna-warni yang mencorakkan persembahan itu pun menjadi pudar. Di sinilah barangkali terletaknya manfaat ungkapan *bahasa menjunjung budaya* yang menjadi motto bulan-bulan bahasa di sini.

Di Berita Minggu 30 Ogos 1992 tersiar puisi berjudul **Baku Bukan Baru**. Memang benar bahawa kata 'baku' itu bukan baru. Dalam kamus sebelum 1959 pun kekata 'baku' itu sudah tertera, tetapi pada zaman dahulu kata 'baku' itu diungkapkan orang pada frasa *beras baku, makanan baku, harga baku* dan yang seumpamanya.

Menyebut kata 'baku' dalam ungkapan **bahasa baku** dan **sebutan baku** dengan maksud 'bahasa yang standard' dan 'sebutan yang standard' itu tidaklah lebih awal daripada tahun 1980. Ejaan baku kita yang dirasmikan penggunaannya pada tahun 1972 itu pun belum disebut baku pada masa itu.

Di Malaysia orang menyebut ejaan itu dengan kata 'Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia', manakala di Indonesia orang memanggilnya 'Ejaan Yang Disempurnakan'. Kecuali terlalu sedikit kelainan yang terpaksa diterima, sistem ejaan yang di Malaysia dan yang di Indonesia adalah sama dan sekata. Kita di Singapura, rasmi mula menggunakan ejaan itu pada 1977 dengan nama 'ejaan baru'.

Bahasa Melayu standard yang digunakan di Tanah Melayu sehingga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya ke-3 pada 16 hingga 21 September 1956 ialah bahasa Melayu yang sebelumnya dipanggil **bahasa sekolah**, iaitu bahasa yang diajarkan kepada calon-calon guru Melayu yang belajar di Maktab Latihan Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim.

Maktab Perguruan Sultan Idris itu ditubuhkan pada 1922, melatih calon-

calon guru yang bakal mengajar di sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu, Singapura [termasuk Labuan] dan Brunei. Bahasa Sekolah yang bertata bahasa itu berbeza bentuknya ~ sama ada tentang struktur mahupun pada sebutannya ~ dengan bahasa kampung yang dituturkan orang-orang tidak sekolah dan dalam keadaan tidak formal.

Bahasa sekolah yang dianggap bahasa standard dan bahasa bagi orang terpelajar, yang digunakan sebagai bahasa persuratan dan dituturkan dalam situasi-situasi rasmi dan formal ialah bahasa yang dipelajari menurut kaedah nahu Melayu yang disusun Za'ba 1938~1940. Buku tata bahasa yang diberi nama 'Pelita Bahasa Melayu' itu digunakan sehingga kita beroleh tata bahasa baru hasil susunan para karyawan baru.

Sesiapa yang membaca akhbar-akhbar Malaysia pada 18 hingga 27 Ogos 1992, mungkin mereka menganggap seolah-olah Singapura baru hendak mula menggunakan penggunaan bahasa Melayu baku pada awal 1993. Sebenarnya, sebahagian besar bahasa Melayu baku sudah mula kita gunakan di sini.

Yang jelas, ejaan baku sudah mula kita gunakan semenjak 1977. Sekolah-sekolah dan media massa telah menggunakan ejaan itu sepenuhnya. Orang-orang awam Singapura menyurat ke Malaysia, ke Brunei, ke Indonesia dan sebaliknya dengan ejaan baku itu. Tidak ada kendala yang menghalang penggunaan ejaan baku itu.

Tata bahasa yang digunakan dalam persuratan dan yang diajarkan di sekolah-sekolah kita, kecuali tentang beberapa istilah yang belum sekata, aspek-aspek lain seperti morfologi dan sintaksis tidaklah menimbulkan masalah pembakuan. Sistem tata bahasa yang diajar dan digunakan di sini serupa dengan yang digunakan di Malaysia, di Brunei Darussalam dan di Indonesia.

Persoalan tentang kosa kata dan perkamusan tidak juga timbul walaupun terdapat beberapa kekata yang sesuai di sini tetapi tak sesuai di sana ataupun sebaliknya. Dalam bahasa Melayu banyak sinonim dan banyak pula homonim yang memberi kita peluang yang luas untuk memilih kekata yang kita gemari. Demikian halnya dengan kekata yang sama sebutannya tetapi lain maknanya mudah kita selesaikan dengan menggunakan pilihan kata yang banyak itu.

Aspek terakhir bagi bahasa baku yang belum kita laksanakan ialah aspek 'sebutan'. Dalam bulan Mac 1990, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura

telah memutuskan hendak memulakan penggunaan sebutan baku itu dalam tempoh tiga atau lima tahun dari keputusan itu diambil. Jawatankuasa itu mengemukakan keputusan itu kepada pemerintah melalui MITA.

Pada Januari 1991 Pemerintah Singapura bersetuju untuk melaksanakan sebutan baku itu menerusi sekolah-sekolah. Ekoran persetujuan itu jawatankuasa Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran untuk merancang dan melaksanakan sebutan baku bahasa Melayu telah dibentuk pemerintah.

Seminar ini anjuran Jawatankuasa itu adalah merupakan tindakan pertama mereka ke arah melaksanakan sebutan baku menerusi sekolah-sekolah.

Sebelum seminar ini diadakan, satu misi peninjau yang diketuai oleh Menteri Negara (Pelajaran) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura, Haji Sidek Saniff telah dikirim pemerintah melawat ke Kuala Lumpur dan ke Jakarta dengan tugas meninjau dan mempelajari pengalaman Malaysia dan Indonesia melaksanakan sebutan baku itu menerusi sekolah-sekolah mereka.

Hasil dari lawatan itu, Misi Peninjau kita telah diberi taklimat tentang pelaksanaan dan kecapaian mereka melaksanakan sebutan baku, tentang masalah-masalah yang mereka hadapi ketika melaksanakan sebutan baku dan tentang langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan maklumat-maklumat itulah kelak Jawatankuasa Bahasa Kementerian Pelajaran akan bertindak melaksanakan sebutan baku bahasa Melayu menerusi sekolah-sekolah kita di sini.

Sementara membiarkan anak-anak kita mempelajari dan menggunakan sebutan baku dengan sistem yang teratur, marilah kita lihat apa yang dapat kita lakukan untuk turut memberikan sumbangan yang positif ke arah bertutur bahasa Melayu dengan sebutan baku.

Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura telah beberapa kali menyatakan bahawa pengguna umum bahasa Melayu tidak akan diminta supaya bertutur dengan sebutan baku pada masa ini, walaupun demikian mereka sangat berterima kasih jika masyarakat umum mahu turut bertutur dalam bahasa baku secara sukarela.

Sama halnya dengan 'bahasa sekolah' dan 'bahasa standard' yang dahulu, **bahasa baku** ini pun kita gunakan dalam persuratan, dan dituturkan dalam majlis-majlis rasmi dan formal seperti dalam majlis ucapan, majlis taklim, majlis mesyuarat dan yang sebagainya.

Alangkah baiknya, jika para pemedato, pensyarah, penceramah, ahli-ahli mesyuarat, peserta-peserta bahas dan forum, pembaca-pembaca berita dan penyampai program di radio dan televisyen, pengacara-pengacara majlis dan yang sebagainya, dapat menggunakan bahasa baku yang disertai dengan sebutan bakunya sekali!

Di Singapura banyak pertubuhan-pertubuhan Melayu yang bergiat sama ada dalam bidang bahasa dan sastera, dalam bidang kebudayaan, dalam bidang sukan dan sebagainya yang menggunakan bahasa Melayu. Alangkah besar manfaatnya jika pertubuhan-pertubuhan itu mahu bersama-sama berkempen mengamalkan sebutan baku itu secara sukarela.

Latihan-latihan boleh dilakukan dengan selalu mengadakan mesyuarat atau mengadakan majlis-majlis yang mendorong orang bertutur, misalnya mengadakan peraduan berpidato, peraduan bahas dan sebagainya. Terpulanglah kepada para pemimpin pertubuhan itu mengadakan kegiatan bertutur. Memanglah pada permulaannya kita akan berasa kekok, segan-segan dan sebagainya, tetapi bukankah kita dibekali nenek moyang dengan peribahasa yang berkata: *alah bisa tegal biasa..* atau *alah bisa oleh biasa!*

Akhirnya, apa pula peranan ibu bapa yang jarang-jarang masuk majlis? Walaupun mereka jarang berperanan dalam majlis formal, tetapi jika mereka mahu bertutur dalam bahasa dan sebutan baku dengan anak-anaknya yang bersekolah, bermakna mereka telah menolong memajukan penyebutan baku anak-anaknya; setidak-tidaknya mereka telah membuka pelang kepada anaknya untuk bertutur dalam bahasa baku.

Saya kira, cukuplah sekian dahulu untuk pusingan ini, jika ada masa dan masalah yang perlu dibincangkan, bolehlah kita bincangkan kemudian..

Terima kasih.